

KEDUDUKAN EKONOMI MASYARAKAT INDIA ANTARA TAHUN 1980 HINGGA 2000

M. Sinnathamby

Pengenalan

Masyarakat India di Malaysia mempunyai sejarah yang lama sejak 1860-an sehingga kini. Memang tidak dapat dinafikan bahawa masyarakat India di Malaysia telah banyak menyumbangkan usaha mereka dalam mencorakkan ekonomi Tanah Melayu terutamanya semasa penjajahan British. Tetapi persoalan hari ini ialah adakah kedudukan masyarakat India berada pada tahap yang memuaskan pada lewat tahun 1980 an.

Datuk Seri Dr Mahathir telah mengatakan bahawa:

... ekonomi bagi masyarakat India di Malaysia terus menunjukkan kemajuan yang menggalakkan dalam tempoh 10 tahun yang lepas. Data yang ada pada Rancangan Malaysia telah menunjukkan masyarakat India terus mencatatkan peningkatan dalam pendapatan isi rumah purata, penurunan insiden kemiskinan, peningkatan hak milik modal saham sektor korporat dan penyertaan guna tenaga yang lebih seimbang dan dalam bidang profesional pula, prestasi masyarakat India didapati adalah lebih baik daripada masyarakat Bumiputera.
(Internet:1)

Manakala, Presiden Keadilan Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail pula telah mengatakan bahawa “kebanyakan masyarakat India yang majoritinya masih terikat kepada sektor perburuhan di ladang-ladang, masih hidup dalam keadaan ekonomi dan sosial yang tidak banyak berbeza dengan taraf hidup generasi sebelum mereka” (Internet:2) semasa beliau memberikan ucapan sempena Perayaan Thaipusam pada 29 Januari 1999.

Menurut Selvakumaran Ramachandran yang bertugas di UNDP (United Nation Development Programme) "*Kaum India tidak mempunyai keupayaan politik mahupun ekonomi untuk keluar daripada ruang hambatan roda kemiskinan*" (Internet:3). Secara keseluruhannya, ekonomi masyarakat India berada pada tahap yang tidak memuaskan kerana kadar pertumbuhan ekonomi juga adalah rendah. Sebaliknya, kadar pertumbuhan ekonomi kaum India adalah disebabkan arus pembangunan negara dan dasar-dasar yang telah dijalankan oleh kerajaan, sektor pekerjaan, kadar pengangguran, kadar kemiskinan dan hak milik ekuiti yang dimiliki oleh mereka.

Struktur Guna Tenaga Kaum India Di Malaysia

Guna tenaga kaum India boleh dilihat mengikut sektor dan pekerjaan. Pada amnya, guna tenaga kaum India di Malaysia telah menunjukkan peningkatan yang perlahan dari 530.4 ribu , 595.9 ribu, 648.0 ribu dan seterusnya kepada 791.6 ribu orang bermula dari tahun 1985, 1990, 1995 dan 2000 (Jadual 1). Ini disebabkan orang India di Malaysia adalah minoriti. Oleh itu, ekonomi mereka juga masih berada pada tahap perkembangan yang perlahan.

Sektor guna tenaga kaum India boleh dilihat dalam sektor primer, sektor sekunder dan sektor tertier. Sejak kedatangan orang India ke Tanah Melayu, tumpuan kegiatan ekonomi utama mereka adalah dalam sektor primer (perladangan) sehingga lewat 80-an. Malah, sehingga hari ini masih terdapat sebilangan besar orang India yang terlibat dalam sektor ini. Ini memang merupakan salah satu sebab ekonomi orang India berada pada tahap yang perlahan. Tetapi awal 90-an mula menunjukkan peralihan orang India ke dalam sektor sekunder dan sektor tertiar. Namun, perubahan ini tetap tidak dapat membawa perubahan yang ketara dalam kedudukan ekonomi orang India.

Sektor Primer

Sektor primer merupakan kegiatan pengeluaran hasil yang menggunakan sumber alam semulajadi. Didapati orang India banyak terlibat dalam sektor pertanian pada tahun 1985 iaitu sebanyak 145.5 ribu orang tetapi, pada tahun 2000 cuma 85.7 ribu guna tenaga sahaja (Jadual 1).

Golongan muda mula berpindah ke bandar untuk mencari pekerjaan terutamanya dalam sektor pembuatan. Perubahan ini adalah disebabkan dasar yang dilancarkan oleh kerajaan sejak Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama (1971-

90) iaitu Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang lebih menekankan sektor perindustrian dan pembangunan komersil tetapi telah mengurangkan sektor pertanian dan perlombongan. Selain itu, kerajaan juga mengupah buruh-buruh kontrak dari luar negara terutama dari Bangladesh dan Indonesia yang lebih murah dalam sektor tersebut.

Perubahan ini sedikit menjelaskan ekonomi orang India terutamanya golongan berumur yang mula telah kehilangan pekerjaan dan perumahan di estet akibat dasar ini.

Sektor Sekunder

Sektor sekunder pula merupakan *kegiatan pengeluaran hasil perkilangan atau pembuatan termasuk pemerosesan bahan separuh siap kepada bahan yang boleh digunakan seperti makanan dan alat perkakas* (Katiman Rostam, 1988:143). Jadual 1 menunjukkan sektor sekunder merupakan sektor ekonomi utama orang India sejak awal 90-an.

Sejak tahun 1990 hingga 2000, orang India telah mula melibatkan diri dalam sektor pembuatan. Didapati pada tahun 1980 tenaga buruh India dalam sektor pembuatan hanya 93.9 ribu, meningkat menjadi 157.3 ribu, 228.5 ribu dan 291.1 ribu pada 1990, 1995 dan tahun 2000 (jadual 1). Namun, perubahan ini tidak membawa kepada peningkatan ekonomi orang India di Malaysia kerana *kebanyakan guna tenaga India dalam sektor pembuatan adalah pekerjaan am dan bawahan* (Jagathasan Naidu Ramakrishnan, 1996:77) seperti pemandu bas atau van kilang, pekerja kilang, penjaga keselamatan, pekerja pembersih, operator dan sebagainya yang berkaitan.

Sektor Tertier

Sektor tertier lebih *mementingkan cara bagaimana bahan keluaran sektor primer dan sektor sekunder boleh sampai kepada pengguna* (opcit:143). Mulai awal 90-an sehingga hari ini, ramai orang India mula terlibat dalam sektor ini. (Jadual 1). Didapati ramai orang India terlibat dalam sektor perdagangan borong, runcit, hotel dan restoran di Malaysia. Jadual 1 menunjukkan 65.5 ribu ,85.2 ribu, 80.7 ribu dan 105.6 ribu orang India terlibat dalam sektor ini pada tahun 1980,1990,1995 dan 2000. Namun sehingga hari ini, hanya sebilangan kecil orang India sahaja yang menjadi usahawan yang berjaya dan terkenal.

Selain itu, sektor-sektor lain yang menunjukkan peningkatan guna tenaga India adalah seperti sektor kewangan, sektor perkhidmatan dan sektor pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan tetapi hanya bertambah pada kadar yang rendah. Sektor elektrik dan sektor kerajaan pula menunjukkan pengurangan guna tenaga India. Misalnya, dalam sektor awam penglibatan orang India semakin berkurangan disebabkan Dasar Ekonomi Baru yang mewujudkan 30% kuota di sektor awam perlu diisi oleh kaum Bumiputera (Mohd Rosli dan Mohamad Aslam, 2000:122).

Ini jelas menunjukkan struktur ekonomi orang India masih tidak banyak berubah walaupun terdapat penambahan guna tenaga dalam sektor sekunder dan tertier sejak awal 90-an. Ini adalah kerana bilangan orang India adalah minoriti di Malaysia dan mereka tidak mampu atau terpaksa bergantung kepada kerajaan atau kaum lain dalam memajukan ekonomi mereka.

JADUAL 1

GUNATENAGA INDIA MENGIKUT SEKTOR, 1985-2000, ('000)

Sektor	1985	1990	1995	2000
Pertanian	145.5	122.8	89.6	85.7
%	8.3	6.7	6	6.1
Perlombongan dan kuari	5.7	4.2	4.3	4.2
%	12.8	10.8	10.6	10.2
Pembuatan	93.9	157.3	228.5	291.1
%	11.0	12.2	11.3	11.4
Pembinaan	25.2	26.4	33.7	35.8
%	5.9	6.2	4.7	4.7
Elektrik, Gas dan air	6.6	7.6	7.5	8.5
%	15.1	16.6	11.1	11.3
Pengangkutan, Penyimpanan dan Perhubungan	32.8	36.2	46.2	55.5
%	13.4	12.8	11.7	12
Perdagangan Borong dan Runcit, Hotel dan Restoran	65.5	85.2	80.7	105.6
%	7.1	6.9	6.1	6.7

Kedudukan Ekonomi Masyarakat India

Sektor	1985	1990	1995	2000
Kewangan, Insuran, Hartanah dan Perkhidmatan Perniagaan %	19.2 9.7	23.8 10.3	34.6 9.3	50.3 9.9
Perkhidmatan Kerajaan %	72.6 8.9	69.3 8.2	- -	- -
Perkhidmatan-Perkhidmatan Lain %	27.7 8.9	29.9 8.0	106.2 6.8	1133.9 7.1
Jumlah %	494.6 8.8	562.7 8.5	631.3 7.9	770.6 8.3
Tenaga Buruh %	530.4 8.8	595.9 8.5	648.0 7.9	791.6 8.3
Pengangguran %	35.8 8.6	33.2 7.8	16.7 6.6	21.0 7.0
Kadar Pengangguran (%)	6.7	5.6	2.6	2.7

Nota : 1. Termasuk Perkhidmatan awam, persendirian dan masyarakat (hanya pada tahun 1995 dan 2000)

Sumber : Rancangan Malaysia Keenam, Jadual 1-11:40 dan Rancangan Malaysia Kelapan, Jadual 3-7:71.

Jenis Pekerjaan

Guna tenaga kaum India mengikut pekerjaan pula dapat dilihat dari jenis pekerjaan bukan profesional dan pekerjaan profesional. Jenis pekerjaan yang dijalankan adalah salah satu faktor penting yang akan memastikan seseorang dapat keluar daripada putaran garis kemiskinan. Ini kerana jenis pekerjaan yang dilakukan akan menentukan tingkat pendapatan yang akan diterima seseorang. (Jagathasan Naidu Ramakrishnan, 1996:76).

Pekerjaan Bukan Profesional

Permintaan orang India terhadap pekerjaan masih merujuk kepada pekerjaan bukan profesional yang tidak memerlukan pencapaian pendidikan yang tinggi dan

latihan kemahiran. Jadual 2 menunjukkan masih ramai orang India yang bekerja di dalam sektor pengeluaran (pekerja am atau pekerja kilang) iaitu sebanyak 161.5 ribu, 195.9 ribu, 261.0 ribu dan 303.8 ribu pada tahun 1985, 1990, 1995 dan 2000.

Selain itu, kebanyakan pekerja India masih terlibat dalam perladangan walaupun menunjukkan penurunan setiap tahun. Pada tahun 1985 terdapat sebanyak 161.5 ribu dan 132.7 ribu pekerja perladangan pada tahun 2000 (Jadual 2). Ini menunjukkan ramai lagi orang India yang masih mewarisi dan tidak keluar daripada hierarki pekerjaan ibu bapa mereka akibat kekurangan pendidikan dan kemahiran tertentu terutama di kawasan pedalaman dan estet.

Pekerjaan Profesional

Terdapat sedikit peningkatan orang India dalam pekerjaan profesional, teknikal, pekeranian, jualan, perkhidmatan, pengurusan dan pentadbiran yang memerlukan kemahiran tertentu dan pendidikan tinggi (Jadual 2). Namun, pekerjaan-pekerjaan ini kebanyakan hanya diisi oleh Sub-etnik India tertentu seperti Malayali yang berpendidikan tinggi dan kaya. Jadi, golongan ini mempunyai ekonomi yang lebih kukuh dan semakin maju ke hadapan.

Selain itu, didapati ahli profesional orang India iaitu *ahli-ahli yang berdaftar dengan lapangan pertubuhan profesional iaitu Arkitek, Jurutera, Jurukur, Doktor, Doktor Gigi, Doktor Veterinar, Akauntan dan Peguam* (Rancangan Malaysia Kelapan, 2001-2005:38), adalah paling kurang berbanding dengan kaum lain. Ini memang disebabkan DEB yang lebih membuka peluang kepada masyarakat Bumiputera serta persaingan hebat daripada kaum Cina.

Penduduk India masih menduduki hierarki pekerjaan rendah walaupun DEB dan Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua pada tahun 1991-2000 dilaksanakan. Selain itu, sektor swasta juga menunjukkan bias dari segi pengambilan pekerja India di firma-firma mereka. Golongan India yang berkelayakan dan berkemahiran selalu dinafikan peluang pekerjaan atau jarang diberi kenaikan pangkat yang sewajarnya. Jadi, ekonomi orang India tidak mengalami kadar pertumbuhan yang cepat dan memuaskan.

Didapati bahawa pola guna tenaga masyarakat India mengikut sektor dan jenis pekerjaan tidak selaras dengan nisbah jumlah orang India di Malaysia. Walaupun dasar pembangunan negara seperti DEB yang dibentuk untuk memperbetulkan

ketidakseimbangan ini tetapi didapati bahawa ia tidak berjaya dan telah jauh menyimpang daripada nisbah yang sepatutnya dinikmati oleh kaum India.

Kemerosotan bahagian golongan India di dalam semua sektor dan pekerjaan selepas tahun 1970 menunjukkan objektif kerajaan untuk menyusun semula pekerjaan telah tidak mencapai objektifnya. Malah, ini dapat dibuktikan menurut Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua 1991-2000, bagi kaum India, bahagian mereka dalam beberapa bidang pekerjaan adalah lebih rendah daripada nisbah penduduk mereka. Dalam bidang-bidang pekerjaan di mana penyertaan mereka adalah sangat memuaskan dari segi mutlak pertambahannya adalah lebih rendah dari yang dicapai oleh kaum Bumiputera dan Cina. Akibatnya, bagi kaum India dalam pekerjaan Profesional telah menurun berterusan sejak 1970. (Opcit: 86)

Jadi, ekonomi orang India masih ketinggalan berbanding kaum yang lain di Malaysia sejak kedatangan sehingga kini akibat tidak mampu bersaing dengan kaum majoriti yang lain.

Jadual 3

GUNA TENAGA INDIA MENGIKUT PEKERJAAN, 1985-2000 (000')

Pekerjaan	1985	1990	1995	2000
Profesional & Teknikal ¹	36.7	44.8	53.4	77.5
%	8.7	7.7	7.3	7.6
Profesional Yang Berdaftar	3.9	5.4	8.3	-
%	13.9	13.2	13.7	-
Guru & Jururawat	10.8	13.7	17.1	23.2
%	6.4	6.3	6.2	6.9
Pentadbiran & Pengurusan	6.6	8.6	11.8	21.6
%	5.1	5.3	5.4	5.5
Pekerja Perkeranian	41.6	50.5	58.2	88.2
%	7.6	7.8	7.6	8.6

Sektor	1985	1990	1995	2000
Pekerja Jualan	42.7	49.7	61.3	69.7
%	6.8	6.5	6.3	6.8
Pekerja Perkhidmatan	64.6	81.8	101.2	93.3
%	10.1	10.6	10.8	8.5
Pekerja Pertanian	140.9	131.4	132.7	116.5
%	8.2	7.0	7.2	6.9
Pekerja Pengeluaran	161.5	195.9	252.3	303.8
%	10.5	10.7	11.1	10.0
Jumlah	494.6	562.7	670.9	770.6
%	8.8	8.5	8.6	8.3

Nota : 1. Merujuk kepada definisi daripada Kamus Klasifikasi Pekerjaan, Pekerjaan Profesional dan Teknikal juga merangkumi kategori pekerjaan seperti pelukis pelan, pembantu makmal serta guru dan jururawat

Sumber : Rancangan Malaysia Keenam, Jadual 3-8:72 dan Rancangan Malaysia Kelapan, Jadual 1-9:38.

Kadar Pengangguran Orang India Di Malaysia

Masalah pengangguran orang India masih tidak dapat diatasi dengan sepenuhnya, namun telah menunjukkan penurunan sedikit sebanyak sehingga tahun 1995. Namun pada tahun 2000, kadar pengangguran orang India telah meningkat semula akibat kemelesetan ekonomi dunia. Pengangguran golongan India dapat ditunjukkan dalam jadual 4.

Jadual 4

PENGANGGURAN SUMBER TENAGA GOLONGAN INDIA, 1985-2000 (000')

Tahun	1985	1990	1995	2000
Tenaga Buruh	530.4	595.9	648.0	791.6
%	8.8	8.5	7.9	8.3

Kedudukan Ekonomi Masyarakat India

Pengangguran	35.8	33.2	16.7	21.0
%	8.6	7.8	6.6	7.0
Kadar Pengangguran (%)	6.7	5.6	2.6	2.7

Sumber : Rancangan Malaysia Keenam, jadual 1-11:40 dan Rancangan Malaysia Kelapan, Jadual 3-7:71.

Kadar pengangguran orang India telah menurun sejak tahun 1985 iaitu dari 6.7 % ke 2.7 % pada tahun 2000 kesan daripada *kemelesetan ekonomi dunia (tahun 1982-1986)* yang telah menjaskan permintaan terhadap buruh pada jangka masa tersebut. Akibatnya ramai orang India juga terjejas dan purata upah pula menurun (*Fatimah Said dan Saad Mohd. Said, 2000:374*). Jumlah tenaga kerja di sektor ladang telah jatuh kepada kira-kira 35,000 orang . Ekoran ini, ekonomi kaum India semakin terjejas akibat kehilangan pekerjaan selain bergaji rendah.

Jadi, boleh disimpulkan bahawa kadar pengangguran orang India yang masih tinggi memang telah menjaskan ekonomi orang India. Masalah pengangguran perlu diatasi segera dan sepenuhnya supaya orang India boleh bersaing dengan kaum lain dan terus memajukan diri.

Kemiskinan Orang India Di Malaysia

Selain daripada guna tenaga dalam mengukur ketidakpuasan kedudukan ekonomi kaum India, terdapat juga kadar kemiskinan yang telah menunjukkan ekonomi masyarakat India berada pada tahap yang kurang memuaskan. Selepas DEB dijalankan, kadar kemiskinan masih tinggi di kalangan orang India. Ini menunjukkan objektif DEB yang ingin membasmi kemiskinan tidak dapat dicapai di kalangan masyarakat India.

Walau bagaimanapun, di Malaysia masyarakat India bukanlah satu-satu kaum yang termiskin jika berbanding dengan kaum lain. Kadar kemiskinan orang India di Semenanjung Malaysia adalah 10.1%, 9.7%, 8.0%, 1.9% bagi tahun 1984 1987,1990 dan 1999(Mohd Rosli dan Mohamad Aslam, 2000:112). Tetapi memang tidak dapat dinafikan bahawa *kadar kemiskinan di kalangan masyarakat India didapati telah berkurangan daripada 8.0 % pada tahun 1990 kepada 1.9% pada tahun 1999* (Internet:1).

Jika berbanding dengan masyarakat lain, boleh dikatakan bahawa masyarakat India adalah kaum yang termiskin.

Golongan termiskin di kalangan masyarakat India tidak hanya terdiri daripada pekerja-pekerja ladang, penternak binatang, pekebun, buruh-buruh getah dan sebagainya yang tinggal di luar bandar yang berpendapatan antara RM10 hingga RM12 sehari tetapi sebahagian besar masyarakat India yang tinggal di kawasan bandar juga mempunyai pendapatan yang rendah. Ini termasuklah pekerja kilang bawahan, pekerja di bidang perkhidmatan termasuklah tukang-tukang kebun dan pencuci kain. Mereka ini juga merupakan golongan yang miskin di kawasan bandar (Jagathasan Naidu Ramakrishnan, 1996:49).

Kadar kemiskinan bagi masyarakat India dapat dilihat dari tiga segi iaitu purata pendapatan isi rumah bulanan , bilangan tanggungan ahli keluarga dan kualiti hidup bagi masyarakat India.

Purata Pendapatan Isi Rumah Bulanan

Pendapatan telah digunakan untuk menentukan kadar kemiskinan di kalangan masyarakat India. Melalui pendapatan, boleh menetapkan satu garis kemiskinan yang berdasarkan piawaian yang ditentukan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat.Piawaian ini dikemaskini untuk mencerminkan perubahan dalam indeks harga pengguna. Garis kemiskinan adalah satu paras pendapatan yang sekadar cukup untuk memberi makanan seisi rumah, kesihatan yang sempurna dan keperluan-keperluan asas lain seperti pakaian, perumahan, persekolahan, tenaga dan pengangkutan (Rancangan Malaysia Ke-7,1995-1999:62).

Misalnya pada tahun 1999, sekiranya isi rumah itu mempunyai pendapatan yang kurang daripada RM 510 sebulan di Semenanjung Malaysia dan mempunyai tanggungan keluarga sebanyak 5 orang, maka dikategorikan sebagai keluarga yang termiskin.

Di samping itu, min pendapatan isi rumah untuk golongan India adalah RM 1094 pada tahun 1984 (Mohd Rosli dan Mohamad Aslam, 2000:134). Walaupun "pendapatan bagi purata isi rumah masyarakat India telah meningkat kepada RM 2702 sebulan pada tahun 1999" (Internet:1). Ini hanya merupakan purata isi rumah masyarakat India dan tidak menunjukkan pendapatan

sebulan bagi isi rumah individu. Ini adalah kerana pada tahun 1995, terdapat 40% masyarakat India yang mempunyai pendapatan yang kurang daripada RM 868 dan pada tahun 1999, terdapat 40% masyarakat India yang mempunyai pendapatan yang kurang daripada RM 1092 (Rancangan Malaysia Ke-7, 1995-1999:67).

**Purata Pendapatan Isi Rumah Kasar Bulanan Bagi Kaum India (RM)
1995 dan 1999**

Tahun	20% teratas	40% pertengahan	40% terbawah
1995	5100	1954	868
1999	6456	2460	1092

(Sumber : Rancangan Malaysia Ke-7 1995-1999, Jadual 3-5:67)

Pada tahun 1983, terdapat 53% dari isi rumah miskin adalah terdiri daripada pekebun getah, penanaman padi dan pekerja ladang. Maka, masyarakat India yang kebanyakannya bekerja di ladang termasuk dalam kumpulan miskin ini. Ini adalah kerana kaum India yang tinggal di luar bandar adalah terdiri daripada buruh-buruh yang berpendapatan rendah dan hanya setakat cukup untuk menyara kehidupan sahaja.

Kaum India yang tinggal di kawasan bandar pula kebanyakannya bekerja sebagai pemandu lori, pekerja keretapi, pekerja pembaikan jalan, buruh-buruh kasar dan pekerja di kilang. Walaupun pendapatan mereka adalah agak tinggi jika berbanding dengan kawasan luar bandar tetapi tidak mencukupi untuk kehidupan di kawasan bandar.

Bilangan Anggota Isirumah

Garis kemiskinan juga diukur pada satu aras purata saiz isi rumah. Bagi Semenanjung Malaysia, purata saiz isi rumah 5 orang dan mempunyai purata pendapatan bulanan sebanyak RM 510 pada tahun 1999 adalah dianggap miskin.

Biasanya kebanyakan masyarakat India mempunyai bilangan tanggungan yang tinggi iaitu purata anggota isi rumah adalah lebih kurang 8-9 orang. Sekiranya pendapatan purata sebanyak RM 1000 sebulan pada 1999, ia dianggap keluarga miskin kerana ia mempunyai bilangan tanggungan yang banyak. Selain itu, kebanyakan tanggungan itu merupakan kanak-kanak dan orang tua yang tidak

berupaya menyumbangkan sumber pendapatan kepada keluarganya. Oleh itu, keluarga India yang mempunyai bilangan tanggungan yang tinggi telah menyebabkan sumber pendapatan bulanan yang diperoleh hanya cukup setakat kegunaan harian.

Kualiti Hidup

Kebanyakan masyarakat India yang masih tinggal di kawasan luar bandar dan ladang mempunyai kualiti hidup yang rendah. Rumah-rumah untuk pekerja-pekerja ladang adalah kecil dan tidak sesuai untuk bilangan ahli keluarga yang besar menyebabkan wujud kesesakan di dalam rumah. Manakala di kawasan luar bandar pula, kebanyakan rumah yang didirikan oleh masyarakat India adalah dibina daripada papan dan terletak di sepanjang jalan keretapi atau jalan raya. Manakala kebanyakan masyarakat India yang tinggal di kawasan bandar pula tidak mempunyai kualiti hidup yang tinggi kerana tinggal di kawasan setinggan. Ini adalah disebabkan tanah dan sewa rumah di kawasan bandar adalah terlalu tinggi. Kawasan setinggan ini biasanya tidak menyediakan kemudahan asas seperti bekalan elektrik, sistem pembentungan yang baik, sistem jalan raya yang teratur dan sebagainya.

Faktor-faktor Kemiskinan Di Kalangan Masyarakat India

Faktor-faktor yang menyebabkan masyarakat India masih dibelenggu kemiskinan adalah disebabkan oleh sikap masyarakat itu sendiri. Masyarakat India yang suka minum minuman keras telah menyebabkan mereka banyak membelanjakan wang. Oleh itu, mereka tidak mempunyai kelebihan wang samada untuk disimpan atau melabur. Ini menyebabkan ekuiti yang dimiliki oleh masyarakat India tetap pada 1.5 % sahaja.

Selain itu, sikap masyarakat India yang tidak mahu mewujudkan persaingan dengan kaum lain telah menyebabkan mereka gagal mendapat pekerjaan yang lebih baik. Oleh itu, mereka tetap bekerja sebagai pekerja ladang, buruh ladang getah dan penternak. Di samping itu, mereka yang tidak mempunyai pendidikan dan kemahiran yang tinggi (skil) terutamanya yang tinggal di luar bandar menyebabkan mereka mewarisi pekerjaan ibu bapa mereka.

Pemilikan Ekuiti Orang India Di Malaysia

Pemilikan ekuiti masyarakat India berada pada tahap tidak memuaskan. Beberapa jentera pelaburan MIC ditubuhkan iaitu Syarikat Kerjasama Nesa Pelbagai

Bhd (NES) pada tahun 1974, Koperasi Maju Jaya (M) Bhd pada 1977, Koperasi Pekerja Jaya (KPJ) pada 1979 dan Maika Holding pada 1982 (Sinnathamby.M ; 2000:202-217).

Tujuan jentera pelaburan ini ditubuhkan adalah untuk mengatasi masalah ketiadaan tanah dan menambahkan jumlah pemilikan ekuiti. Kerajaan berhasrat meningkatkan pemilikan ekuiti masyarakat India sebanyak 10 % pada tahun 1990 apabila DEB tamat tetapi hasrat ini telah mengalami kegagalan. *Sehingga tahun 1999, masyarakat India masih memiliki ekuiti sebanyak 1.5 % sahaja. Pemilikan ini terlalu jauh daripada sasarannya.* (Rancangan Malaysia Ke-7, 1995-1999:68). Selain itu, pertambahan ekuiti sebanyak 0.6 % dalam jangka masa 14 tahun boleh dikatakan tidak menggalakkan.

Berdasarkan Rancangan Malaysia ke-5, pada tahun 1985 hak milik ekuiti di kalangan kaum India adalah 0.9 % dan selepas lima tahun, cuma meningkat 0.1 % pada 1990 dan bertambah 0.5 % iaitu menjadi 1.5 % pada tahun 1995 tahun 1999. (Rancangan Malaysia Ke-5,1985-1989, Rancangan Malaysia Ke-6,1990-1994; Rancangan Malaysia Ke-7,1995-1999).

Kegagalan ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor. Salah satu faktor daripadanya adalah kemiskinan di kalangan masyarakat India kerana kebanyakan mereka tinggal di luar bandar dan berpendapatan rendah pula. Oleh itu, masyarakat India kekurangan wang simpanan yang berlebihan untuk membeli saham.

Sebagai contohnya, penawaran saham oleh syarikat Guthrie Berhad kepada pekerja ladang India, syarikat ini telah menawarkan 1000 saham untuk setiap pekerja yang berjumlah 16000 pada keseluruhan di dalam 56 buah estetnya pada hanya RM 2.10 sesaham. Laporan ini telah menunjukkan bahawa kebanyakan pekerja tersebut tidak mampu membeli saham tersebut dan terpaksa memindahkan hak milik saham mereka kepada pelabur-pelabur swasta (Jagathasan Naidu Ramakrishnan, 1996:168).

Kekurangan maklumat yang lengkap tentang pasaran dan pendidikan yang rendah juga telah menyebabkan mereka tidak tahu dan takut untuk membeli saham.

Hak Milik Modal Saham Yang Dimiliki Oleh Kaum India, 1985-1999

Tahun	1985	1990	1995	1999
Hak milik modal saham	0.9	1.0	1.5	1.5

(Sumber : Rancangan Malaysia Ke-5, Rancangan Malaysia Ke-6, Rancangan Malaysia Ke-7, 1985-1999:68)

Kesimpulan

Malaysia sedang pesat maju ke arah negara teknologi maklumat (IT). Tetapi kemajuan ekonomi negara masih menunjukkan ketidaksamarataan, terutama orang India yang mencapai tahap kemajuan yang perlahan dan tidak memuaskan. Jelas, bahawa sejak perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru dan sehingga hari ini kerajaan tidak banyak membawa kemajuan yang jelas terhadap kaum India. Memang tidak dapat dinafikan bahawa sehingga masa kini, masih tidak ada satu pengukuran dan tanggapan yang tetap dalam menganalisis ekonomi sesuatu kaum dengan tepat. Jadi, didapati terdapat dua pandangan yang berbeza terhadap ekonomi kaum India iaitu mungkin satu pihak berpendapat memuaskan dan pihak lain berpendapat tidak memuaskan berdasarkan tafsiran dan tanggapan mereka sendiri. Memang kedua-dua pihak tersebut tidak bersalah kerana pengukuran yang berbeza. Daripada pandangan yang diberikan serta bukti-bukti yang dikemukakan dapat disimpulkan bahawa ekonomi masyarakat India pada lewat 1980-an hingga hari ini masih belum mencapai tahap yang memuaskan kerana berada pada kadar perkembangan yang terlalu perlahan.

Sebahagian besar kaum India masih berada di luar arus (mainstream) pembangunan. Maka, mereka telah ketinggalan di belakang kaum-kaum lain yang menikmati kemajuan hasil pembangunan ekonomi.

Untuk meningkatkan penguasaan ekonomi, kaum India perlu memajukan diri dan mengubah sikap dan pandangan yang sedia ada. Mereka perlu bekerjasama terutama dalam membanteras masalah-masalah sosial yang kian serius. Kedua, masa depan kaum India juga bergantung kepada kerajaan atau para pemimpin politik mereka. MIC perlu memainkan peranan penting dengan kuasa yang ada pada mereka dengan menawarkan lebih banyak peluang ekonomi dan memperbaiki kedudukan ekonomi orang India yang sedia ada. Akhir sekali, kerajaan Malaysia dan kaum-kaum lain di Malaysia perlu memberi perhatian serta membantu kaum India .Langkah

langkah ini diharap dapat mengurangkan jurang perbezaan ekonomi dan Malaysia akan menjadi negara aman dan damai serta terus menuju wawasan 2020.

BIBLIOGRAFI

- Mohd Rosli Mohamad, Mohamad Aslam Dan Azhar Harum. (ed.). 2000. **Pembangunan Ekonomi Malaysia Era Globalisasi**. Kuala Lumpur : Universiti Malaya.
- Katiman Rostam.1988. **Pengantar Geografi Bandar**. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nurizan Yahaya.1998. **Kemiskinan Dan Perumahan Di Bandar : Peranan Pemerintah dan Penyelesaian** . Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chamhuri Siwar dan Moh Haflah Piei. (ed.). 1988. **Isu, Konsep Dan Dimensi Kemiskinan : Kumpulan Rencana Tentang Kemiskinan**. Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Malaysia.1981. **Rancangan Malaysia Keempat 1981-1985**. Kuala Lumpur : Jabatan Percetakan Kerajaan.
- Malaysia.1986. **Rancangan Malaysia Kelima 1986-1990**. Kuala Lumpur : Jabatan Percetakan Negara.
- Malaysia. 1991. **Rancangan Malaysia Keenam 1991-1995**. Kuala Lumpur : Jabatan Percetakan Negara.
- Malaysia.1996. **Rancangan Malaysia Ketujuh 1996-2000**. Kuala Lumpur : Percetakan Nasional Malaysia.
- Malaysia.2001. **Rancangan Malaysia Kelapan 2001-2005**. Kuala Lumpur : Percetakan Nasional Malaysia.
- Malaysia.1991. **Laporan Am Banci Penduduk Malaysia, 1981-1985**. Kuala Lumpur : Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Jagathasan Naidu Ramakrishnan.1996. *Masyarakat India Malaysia Dan Dasar Ekonomi Baru: Satu Kes Kajian Terhadap Penyertaan Ekuiti* .Tesis M.P.A. Kuala Lumpur : Universiti Malaya .
- Sinnathamby.M. 2000. *Peranan yang dimainkan oleh parti politik Malaysian Indian Congress (MIC) dalam pembangunan Sosio-Ekonomi Masyarakat India Di Malaysia selepas kemerdekaan*. Tesis sarjana. Kuala Lumpur : Universiti Malaya.
- Fatimah Said dan Saad Mohd Said.1999. **Ekonomi Perindustrian** . Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- http://www.ke.jpm.my/ucapwebNew/pmmain.nsf/fod_8126d_11745_ab4825674.htm (1)
- <http://member.easy.space.com/reformasi/thaip.htm>(2)
- <http://mindarakyat2.tripod.com/2000dis/2000-2997.htm>(3)